

# PKRC MAEPS



## LATAR BELAKANG

Sejak timbulnya kes jangkitan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) yang sebelum ini dikenali sebagai Novel Koronavirus 2019 (2019-nCoV) di negara China, Kerajaan Malaysia telah mengikuti prosedur-prosedur yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan mendapatkan khidmat nasihat pakar-pakar untuk menghadapi dan membendung jangkitan ini dari merebak dengan meluas.

Kerajaan telah mengambil inisiatif segera mewujudkan penempatan tambahan pesakit COVID-19 berikut penularan wabak berkenaan berdasarkan jangkaan berlaku peningkatan jangkitan pada pertengahan April 2020 yang akan memberi kesan dan cabaran besar kepada kesihatan awam di Malaysia serta seluruh dunia.

Justeru, Mantan YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin telah mencadangkan Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) dijadikan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) bagi penempatan pesakit COVID-19.

MAEPS merupakan pusat ekspo pertama yang dijadikan pusat kuarantin bagi menyokong usaha kerajaan dalam membendung penularan COVID-19. Bagi merealisasikan inisiatif ini, MAEPS telah pun memberikan komitmen sepenuhnya untuk mengoptimumkan infrastruktur sedia ada bagi PKRC MAEPS 1.0 dan PKRC MAEPS 2.0.

Pengurusan PKRC Bersepadu MAEPS 2.0 melibatkan kolaborasi di antara 19 buah agensi yang diterajui bersama oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara Malaysia (NADMA) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) dengan kekuatan anggota harian seramai lebih dari 1,500 kakitangan.

Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia telah dilantik oleh pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri bagi memberikan Khidmat Nasihat Kepakaran Teknikal dalam pembangunan Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah Covid-19 (PKRC) MAEPS bagi PKRC MAEPS 1.0 dan PKRC MAEPS 2.0. Peranan utama JKR adalah memberikan khidmat nasihat kepakaran teknikal di dalam penyediaan sebarang fasiliti yang diperlukan bagi kedua-dua pengoperasian PKRC MAEPS 1.0 dan 2.0 ini, merangkumi skop kerja Arkitek, Sivil, Struktur, Mekanikal dan Elektrik.

Objektif laporan lessons learnt ini adalah bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam penyediaan fasiliti seumpamanya, serta mengenalpasti perkara-perkara penting yang diperlukan bagi

penyediaan fasiliti kesihatan ketika bencana; merangkumi aspek pengurusan, perancangan, rekabentuk dan pembinaan.

Disediakan oleh:

Kumpulan Khidmat Kepakaran Fasiliti Kesihatan  
Bahagian Reka Bentuk Fasiliti Kesihatan 1  
Cawangan Arkitek

DISEMBER 2021